

Implimentasikan 15 Langkah Kurangkan Cukai

Bersama
SALIHIN ABANG
CA (M), CFP, ATIL, B.ACC (IIUM)
Asna Tax Services
Sdn Bhd
www.salihin.com.my



RAMAI di kalangan pembayar cukai individu tidak sedar bahawa mereka boleh mengurangkan cukai yang perlu dibayar secara sah dan dibenarkan oleh pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Ingin mengurangkan cukai anda? Implimentasi 15 langkah-langkah berikut:

1. Proses pembelajaran berterusan

Bagi menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat dan peningkatan kualiti modal insan, pelepasan cukai sehingga RM5000.00 setahun diberikan kepada semua bidang pengajian di peringkat pengajian lepasan ijazah iaitu sarjana dan doktor falsafah.

2. Gaya hidup sihat

Untuk menggalakkan amalan gaya hidup sihat melalui aktiviti sukan di kalangan semua peringkat umur di samping melahirkan masyarakat Malaysia yang lebih sihat dan cergas, pelepasan cukai individu sehingga RM300.00 setahun diberi ke atas pembelian peralatan sukan.



• Cukai boleh dikurangi dengan hasrat untuk meningkatkan mutu hidup menerusi pembelian peralatan teknologi maklumat

3. Peningkatan mutu hidup menerusi teknologi maklumat

Potongan sehingga RM3000.00 boleh dituntut setiap tiga tahun bagi pembelian komputer, pencetak dan *software* untuk melaksanakan hasrat kerajaan meningkatkan penggunaan teknologi maklumat di kalangan rakyat.

4. Manfaat persaraan pekerja swasta

Manfaat persaraan pekerja swasta yang bersara wajib pada umur 50 tahun dan ke atas akan diberi pengecualian cukai pendapatan sepenuhnya dengan syarat persaraan wajib tersebut berdasarkan kontrak pekerjaan antara majikan dan pekerja.

5. Duti setem ke atas pembelian rumah kediaman

Surat cara pindah milik bagi pembelian sebuah rumah yang berharga tidak melebihi RM250,000.00 akan diberikan pengecualian duti setem sebanyak 50 peratus bagi menggalakkan pemilikan rumah kediaman untuk golongan berpendapatan sederhana.

6. Simpanan untuk pendidikan anak-anak

Mulai tahun 2007, setiap simpanan yang didepositkan ke dalam akaun simpanan untuk anak-anak di bawah Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SPN) membolehkan pembayar cukai individu mendapat potongan cukai sehingga RM3000.00.

7. Penggunaan kereta syarikat

Kereta yang disediakan oleh majikan dianggap sebagai manfaat berbentuk barangan dan akan dikenakan cukai ke atas penerima. Bagaimanapun, meng-

gunakan kereta syarikat memberi kelebihan kepada pembayar cukai individu memandangkan jumlah cukai yang dikenakan adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan harga sebenar pembelian dan penjagaan kereta sendiri.

8. Menyumbang dan menderma kepada badan kebajikan

Pemberian sumbangan kewangan kepada organisasi kebajikan yang diluluskan melayakkan pembayar cukai individu untuk mendapatkan pengurangan cukai ke atas jumlah sumbangan diberikan dengan syarat jumlah tersebut tidak melebihi tujuh peratus daripada pendapatan keseluruhan pembayar cukai berkenaan.

9. Membaca dan terus membaca

Pembayar cukai individu boleh mengemukakan tuntutan pengurangan cukai sehingga RM1000.00 ke atas pembelian buku, terbitan berkala, majalah dan sebagainya dalam usaha kerajaan memupuk amalan suka membaca di kalangan masyarakat.

10. Pembelian insurans nyawa

Untuk jumlah premium yang dibayar kepada syarikat insurans bagi insurans nyawa, potongan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja serta skim lain yang disediakan oleh majikan, pembayar cukai individu layak mendapat potongan cukai sehingga RM6000.00 setahun.

11. Berbakti kepada perubatan ibu bapa

Pembayar cukai individu boleh mendapat potongan cukai sehingga RM5000.00 ke atas pembayaran bil perubatan ibu bapa yang dibuat oleh pembayar cukai.

12. Tingkatkan simpanan anda di dalam KWSP

Sumbangan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) oleh majikan akan mengecualikan cukai ke atas pekerja. Untuk mengurangkan cukai yang perlu dibayar, minta majikan anda mengurangkan gaji bulanan dan pada masa yang sama jumlah tersebut disumbangkan ke dalam akaun KWSP anda.

13. Kesihatan untuk kesejahteraan

Potongan cukai sehingga RM500.00 setahun untuk pemeriksaan kesihatan menyeluruh serta RM5000.00 untuk perbelanjaan perubatan bagi penyakit serius untuk diri, pasangan serta anak akan diberikan kepada pembayar cukai individu.



• Menggunakan kereta syarikat memberi kelebihan kepada pembayar cukai individu

14. Menfailkan borang cukai secara berasingan

Bagi kebanyakan pasangan suami isteri, taksiran bersama tidak memberi kelebihan dari aspek pengurangan cukai kerana jumlah pendapatan yang ditaksirkan bersama akan mengakibatkan cukai yang dikenakan lebih tinggi. Taksiran cukai berasingan membolehkan setiap pasangan menuntut pelepasan individu sebanyak RM8000.00, manakala taksiran bersama hanya membenarkan salah seorang pasangan menuntut pelepasan isteri atau suami sebanyak RM3000.00.

15. Tunaikan kewajipan berzakat

Tahukah anda nilai zakat yang dibayar adalah sama dengan nilai cukai? Ini bermakna RM1.00 zakat yang dikeluarkan adalah bersamaan dengan RM1.00 cukai yang dibayar. Oleh yang demikian, pembayaran sejumlah zakat oleh individu akan membolehkan pembayar cukai tersebut mendapat rebat bagi jumlah zakat yang dikeluarkan.

Untuk mendapat manfaat cukai daripada langkah-langkah di atas, diingatkan supaya pembayar cukai menyimpan segala resit-resit yang berkaitan sebagai bukti dan rujukan pada masa akan datang. **US**

PERCUMA!

KLINIK CUKAI

Walk-in Consultation (setiap Jumaat)

- 9 pagi - 12 tengahari
- 2 petang - 5 petang

atau email: info@salihin.com.my (24 jam)
Sila hubungi untuk temujanji anda di talian
603 61874678 atau email kami sekarang!!

** Tertakluk kepada terma dan syarat